

BAB V

PENUTUP

BAB V

PENUTUP

1. Kesimpulan

Bab yang terakhir ini penulis akan menjelaskan kesimpulan-kesimpulan hasil daripada kajian yang telah dianalisis di dalam bab-bab yang lepas. Bab ini mengandungi saranan-saranan yang memanfaatkan pihak yang terlibat dengan program ini dan menjadi panduan kepada pihak yang sedang mencari jalan penyelesaian terhadap penyakit sosial remaja melalui pendekatan agama.

Hasil daripada analisis bab-bab yang terdahulu dapatlah dirumuskan sebagaimana berikut :

1.1. Pasir Puteh yang menjadi lokasi kajian adalah sebuah Bandar yang mempunyai prasarana yang lengkap, terutamanya dalam aspek pendidikan sesuai dengan kedudukannya yang menghubungkan Kota Bharu dengan Pantai Barat Semenanjung.

1.2. SMU (A) Saniah Pasir Puteh yang telah ditubuhkan pada tahun 1940 adalah sebuah institusi pendidikan Islam yang berperanan bagi melahirkan generasi yang cemerlang daripada segi akademik dan sahsiah.

1.3. Sekolah ini telah melalui beberapa episod sejarah pahit dan manis terutamanya semasa Hajah Anyar bt. Dawamin menjadi guru besarnya

sehingga hal kewujudannya sekarang yang dihormati sebagai sebuah institusi pendidikan yang setanding dengan sekolah aliran kebangsaan.

1.4. Pembinaan sahsiah telah bermula semenjak zaman Rasulullah s.a.w. lagi dan sahsiah yang mulia menjadi tanda aras (*benchmark*) kepada kekuatan iman seseorang muslim dalam menghadapi cabaran semasa.

1.5. Pembinaan Sahsiah adalah sama konsepnya dengan pembangunan insan dan ‘*Tarbiyah Islāmiyyah*’ yang menjadi intipati ‘*Risālah*’ yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. dan menjadi senjata untuk menarik manusia ke jalan yang benar.

1.6. Manusia mesti membina sahsiah dan akhlak mereka samada rohani dan jasmani tanpa mengenepikan keperluan kebendaan yang menjadi keperluan kehidupan masa kini .

1.7. Konsep pembinaan sahsiah menurut perspektif Islam adalah berbeza dengan Barat kerana konsep mereka berpaksikan psikologi dan akal semata-mata tanpa menurut panduan al-Qurān dan al-Hadīth.

1.8. Sahsiah manusia boleh dibentuk dan dibangunkan kerana Allah S.W.T telah menganugerahkan potensi kepada setiap individu. Program pembinaan sahsiah mestilah dimulakan semenjak pemilihan pasangan lagi dan berterusan dengan mendidik anak-anak ketika mereka masih bayi lagi dengan pendidikan Islam hingga ke akhir hayat.

- 1.9 . Al-Qurān, al-Hadīth dan Sirah adalah asas dan panduan didalam membina sahsiah insan yang sejati di samping metode-metode moden yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam.
- 1.10. Bakat kepemimpinan boleh dibina dan dibangunkan melalui program-program dan latihan. Pemimpin yang bersahsiah mulia akan memimpin umat dengan penuh amanah dan menjauhi penyelewengan seperti kezaliman, rasuah dan penyalahgunaan kuasa.
- 1.11. Pihak YIK telah melaksanakan satu amanah sosial iaitu menyediakan institusi pendidikan bersepada untuk mendidik anak bangsa supaya berilmu dan bersahsiah mulia.
- 1.12. Sukatan PPS YIK sudah agak lama iaitu semenjak 1993 lagi dan kurang relevan untuk tahun 2003. Justeru, sukatannya hendaklah diperbaiki dan dikemaskinikan semula supaya sesuai dengan keadaan semasa.
- 1.13. Guru PPS yang menjadi tenaga pelaksana program memang berkelayakan dan menjadi model kepada pelajar, namun program khusus untuk melatih mereka supaya lebih efisien tidak dibuat oleh YIK.
- 1.14. Para pelajar amat meminati dan menyedari tentang kepentingan program PPS terhadap mereka dalam rangka untuk mencegah penyakit sosial dan membentuk mereka sebagai seorang pemimpin yang berkualiti.

1.1.5. Berdasarkan penyelidikan yang telah dibuat, secara keseluruhannya menunjukkan bahawa PPS yang dilaksanakan di SMU (A) Saniah Pasir Puteh telah berjaya berperanan sebagai pemangkin dalam membina sahsiah pelajar dan memperkembangkan potensi kepemimpinan mereka. Hal ini dapat kita lihat melalui data-data yang dianalisis dan pemerhatian terhadap sahsiah dan kepemimpinan pelajar secara langsung.

2. Saranan

Setelah merumuskan hasil pengkajian daripada data-data yang telah dianalisis berdasarkan bab-bab yang lepas, penulis ingin mengemukakan saranan-saranan yang boleh memanfaatkan semua pihak dalam menyelesaikan kemelut penyakit sosial yang semakin kronik. Saranan ini juga diharapkan dapat meningkatkan lagi kualiti PPS dan dapat dijadikan model untuk dilaksanakan di semua sekolah.

2.1. Pihak YIK

Unit Hal Ehwal Murid YIK hendaklah lebih prihatin tentang PPS ini yang memang terbukti menjadi pemangkin dalam membina sahsiah pelajar dan menyediakan pelapis pemimpin masa depan.

2.1.1. Perjumpaan antara Unit HEM dan semua Guru PPS hendaklah diadakan pada tiap-tiap tahun supaya segala arahan dan perkembangan dapat diperjelaskan dan mengelakkan kekeliruan dan ketidakseragaman dalam aspek pelaksanaan.

2.1.2. Jawatankuasa penyemak hendaklah ditubuhkan untuk menyemak kembali Buku Panduan PPS yang telah berumur sepuluh tahun tetapi belum disempurna dan dikemaskinikan lagi. Buku Panduan ini hendaklah menjadi rujukan semua sekolah danjadikan ia ‘*standard*’ dan seragam. Modul Latihan Kepemimpinan dan ‘*Halaqāt*’ Ilmu hendaklah disempurnakan dan dapat dijadikan panduan semua guru dakwah di sekolah.

2.1.3. Pemantauan yang kerap hendaklah dilakukan kerana ia akan memberikan maklum balas terhadap pelaksanaan dan menyelesaikan masalah yan berbangkit dari semasa ke semasa.

2.2. Pengurus Sekolah

Pengetua dan Unit HEM di sekolah adalah orang yang bertanggungjawab penuh dalam memantau pelaksanaan program ini. Justeru, perancangan awal tahun mestilah mendapat kelulusan pengurus sekolah dan pemantauan hendaklah dibuat dari semasa ke semasa.

2.2.1. Pengetua hendaklah memilih Pengerusi dan AJK Dakwah di sekolah dari kalangan orang yang benar-benar layak dan mampu melaksanakannya. Prioriti hendaklah diberikan kepada AJK Unit atau Badan Dakwah ini memandangkan ia amat penting dan menjadi pemangkin kecemerlangan akademik pelajar.

2.2.2. Program pengisian rohani kepada guru-guru juga janganlah dilupakan, pengetua boleh membuat program tazkirah bulanan selama 15 minit sahaja dan dipergilirkan di antara ustaz dan ustazah.

2.2.3. Peruntukan kewangan yang mencukupi hendaklah disalurkan ke arah merealisasikan program ini. Banyak program yang tidak dapat diadakan secara kerap kerana menghadapi masalah kewangan.

2.3. Guru Badan Dakwah

Guru Dakwah adalah '*murabbi*' yang paling penting dalam proses melahirkan pelajar yang '*soleh*' dan bertakwa. Mereka diberikan amanah untuk mendidik pelajar supaya bersahsiah mulia. Justeru mereka mesti berkorban masa dan tenaga menghadiri program dan memimpin anak didik supaya benar-benar berguna kepada agama.

2.3.1. AJK Dakwah disarankan supaya bermesyuarat dan merancang aktiviti tahunan dengan lebih sistematik. Segala perancangan hendaklah dibukukan dan mendapat persetujuan pengurus sekolah. Mereka juga hendaklah menggunakan Buku Panduan PPS yang diedarkan oleh YIK walaupun kandungannya kurang relevan tetapi boleh dijadikan sebagai rujukan umum.

2.3.2. Program '*usrach*' dalam bentuk kelompok hendaklah dihidupkan kembali kerana kesannya amat besar untuk membentuk jiwa pelajar dan membantu mereka cemerlang dalam peperiksaan. AJK dakwah sendiri hendaklah ber*usrach* sesama mereka sebagai bekalan untuk diperturunkan kepada

pimpinan pelajar dan pimpinan pelajar inilah yang akan menjayakan ‘*usrah*’ di kalangan pelajar.

2.3.3. Hasil kajian mendapati tidak semua program yang dicadangkan dilaksanakan oleh guru dakwah, oleh sebab itu disarankan mereka memperbanyak atau mempelbagaikan program supaya pelajar tidak jemu dan sentiasa ghairah untuk berprogram. Program memupuk pelajar cintakan solat hendaklah diutamakan kerana hasil kajian mendapati masih terdapat pelajar yang meninggalkan solat sedangkan ia adalah tiang agama.

2.4. Ibu Bapa.

2.4.1. Pembinaan sahsiah bermula di rumah dan ibu bapalah yang mencorakkan anak-anak mereka samada menjadi baik ataupun buruk. Guru di sekolah hanya membantu ibu bapa selama enam sahaja semasa sesi persekolahan mendidik pelajar supaya menjadi insan berguna. Justeru, ibu bapa hendaklah memberikan sokongan yang sepenuhnya kepada PPS ini dengan mewajibkan anak-anak supaya menghadiri program dan memberikan sumbangan kewangan.

2.4.2. Tanggungjawab mendidik hendaklah diteruskan oleh ibu bapa semasa anak-anak berada di rumah. Berikanlah kasih sayang kepada anak-anak dengan sepenuh hati dengan utamakanlah kepada pendidikan agama. Sumber maklumat dan media hiburan mesti disaring oleh ibu bapa dengan berhati-hati. Kemudahan internet, televisyen, siaran Astro, majalah dan buku mesti digunakan secara positif dan elakkan daripada perkara-perkara negatif.

2.4.3. Ibu bapa hendaklah menyedari bahawa hasil soal selidik mendapati sebanyak 04 % daripada pelajar masih meninggalkan solat. Walaupun jumlah ini kecil tetapi masalah ini hendaklah dipandang serius. Kecemerlangan anak-anak bukan hanya berjaya dalam peperiksaan sahaja tetapi sejahtera mana mereka taat kepada suruhan agama. Ibu bapa sendiri hendaklah selalu mendidik anak supaya tidak meninggalkan solat dan hendaklah didirikan di masjid atau pun musalla.

2.4.4. Saranan terakhir kepada ibu bapa ialah mereka hendaklah mengetahui apa yang dilakukan oleh anak-anak selepas waktu persekolahan dan siapakah kawan-kawan mereka. Pengaruh rakan sebaya yang negatif akan mempengaruhi remaja maka berlakulah amalan penyalahgunaan dadah, menghidu gam, menghisap rokok, seks bebas dan lain-lain lagi.

2.5. Pelajar

2.5.1. Pelajar adalah golongan remaja yang menjadi aset negara, tanggungjawab mereka terhadap agama, bangsa dan negara adalah sangat besar. Mereka lah pemimpin masa hadapan yang akan menentukan maju dan mundurnya negara. Justeru, masa keemasan inilah yang perlu dieksplorasi dengan sebaik-baiknya oleh pelajar untuk mencari ilmu dan pengalaman.

2.5.2. Pelajar hendaklah sedar tentang kepentingan program pembinaan sahsiah terhadap diri mereka. Remaja tanpa akhlak tiada nilainya di sisi Allah S.W.T dan negara. Keutuhan negara dan umat adalah dinilai sejahtera mana sahsiah remaja di sesuatu tempat tersebut.

2.5.3. PPS yang diadakan di sekolah adalah pemangkin untuk membina dan membaiki sahsiah ke arah kecemerlangan dunia dan akhirat. Menjadi tanggungjawab pelajar memberikan komitmen terhadap program-program ini dengan menghadirinya dengan penuh minat.

2.5.4. Solat hendaklah menjadi amalan yang tidak sepatutnya ditinggalkan. Hasil kajian menunjukkan ada di kalangan pelajar masih meninggalkan solat walaupun ia adalah tiang agama. Melalui solatlah para pelajar dapat mendekatkan diri kepada Allah dan memohon kecemerlangan hidup dunia dan akhirat.

2.5.5. Para pelajar hendaklah bijak menggunakan masa dan berkawan dengan kawa-kawan yang baik yang boleh menegur mereka ketika melakukan kesilapan. Penyakit-penyakit sosial seperti berpeleseran, lepak, menyalahgunakan dadah, seks bebas mesti dijauhi dan dibenci.

2.5.6. Ajaklah rakan-rakan sebaya supaya sama-sama bersahsiah mulia dan binalah sifat-sifat kepemimpinan kerana masa depan negara adalah di tangan remaja hari ini.

2.6. Bekas pelajar

Pengorbanan guru-guru adalah sangat besar dan tinggi dalam Islam, merekalah ibu bapa kita di sekolah dan orang yang mengajar kita mengenali ‘alif’, ‘ba’ dan ‘ta’. Tanpa mereka siapalah kita dan kita tidak akan sampai ke puncak menara gading.

2.6.1. Para guru tidak mengharapkan balasan, oleh sebab itu bekas pelajar mesti membala jasa pengorbanan guru mereka dengan mencurahkan bakti di sekolah. Saranan kepada bekas pelajar agar mereka turun membantu Unit Dakwah di sekolah dalam menjayakan program-program.

2.6.2. Persatuan bekas pelajar hendaklah mengambil inisiatif dengan merancang satu program pembinaan sahsiah ataupun motivasi, sebagai melahirkan kesyukuran mereka kerana telah berjaya ke menara gading. Bantuan ini amat diperlukan oleh pihak sekolah dan akan memberikan impak yang amat positif kepada para pelajar.

2.7. Masyarakat

2.7.1. Masyarakat disarankan supaya ‘*menjaga tepi kain orang*’ dengan merasa bertanggungjawab sama dalam membina sahsiah pelajar. Segala permasalahan remaja yang berlaku hendaklah dibincangkan bersama dan mencari jalan penyelesaian secara kolektif.

2.7.2. Program yang melibatkan remaja hendaklah dipergiatkan seperti sukan dan gotong-royong. Program ini dapat mengisi masa lapang remaja dengan berfaedah dan mengelakkan mereka daripada terjebak dengan penyakit sosial.

2.7.3. Masyarakat mesti menjadikan masjid sebagai pusat kegiatan kemasyarakatan. Segala program boleh dibincangkan di masjid dan dilaksanakan mengikut landasan Islam. Remaja mesti dijinakkan dengan masjid dan diisi dengan program ilmu, ‘*qiyāmullail*’, al-Qurān dan lai-lain

lagi. Masyarakat yang beriman dan bertakwa akan mendapat keberkatan daripada Allah S.W.T. dan akan lahirlah masyarakat ‘*madani*’ yang diidam-idamkan.

3. Penutup

Pengkajian yang dibuat oleh penulis membuktikan secara tepat tentang keberkesanannya Program Pembinaan Sahsiah di SMU (A) Saniah, Pasir Puteh sebagai pemangkin pembinaan sahsiah pelajar dan pengembangan bakat kepemimpinan. Pelajaran agama dan umum yang dipelajari di dalam bilik darjah diperkuuhkan lagi dengan program-program agama yang berbentuk kerohanian telah berjaya membina sahsiah pelajar dengan nilai-nilai Islam yang sejati.

Walaupun terdapat beberapa kelemahan daripada aspek sukatan, pelaksanaan dan pemantauan, tetapi ia tidak menafikan bahawa para pelajar telah mendapat manfaat yang besar melalui program ini. Segala kekurangan yang telah dikesan oleh penulis dapat diperbaiki oleh pihak yang terbabit dengan kerjasama semua pihak.

Program ini suatu hari nanti akan menjadi alternatif bagi program-program lain yang melalaikan remaja seperti konsert dan percampuran remaja lelaki dan perempuan secara bebas dan tidak terkawal. Generasi al-Qurān yang diimpi-impikan akan menjadi kenyataan dengan adanya program tarbiyah yang bersepadu yang berlandaskan al-Qurān dan al-Hadīth.

Penyelesaian masalah sosial remaja dengan kaedah dan cara yang tidak berpandukan agama tidak akan berjaya sepenuhnya. Allah S.W.T telah menegaskan di dalam al-Qurān supaya kita kembali kepadaNya untuk menyelesaikan semua permasalahan. Program yang dicorak warnakan dengan roh keIslamam akan menusuk kalbu orang-orang mukmin dan mampu mengubah jiwa dan mental. Sesungguhnya kejayaan seseorang mukmin adalah berdasarkan sejauh mana keredaan Allah S.W.T kepadanya.